

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan kadar sara diri komoditi makanan utama dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan makanan di Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2020, Tahap Sara Diri (SSL) bagi komoditi makanan utama adalah seperti berikut:

- a) sayur-sayuran (44.7%);
- b) buah-buahan (77.8%);
- c) daging ayam / itik (103.9%);
- d) daging lembu / kerbau (20.7%);
- e) daging kambing / biri-biri (9.4%);
- f) telur ayam / itik (114.7%);
- g) susu segar (64.2%); dan
- h) ikan (95.3%).

Manakala, SSL untuk beras pada tahun 2019 adalah 63%. Sehubungan itu, langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk memastikan jaminan sekuriti makanan negara adalah seperti berikut:

- a) meningkatkan produktiviti padi dan pengeluaran beras negara dengan pendekatan Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang menekankan skala ekonomikal melalui pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak, sewaan dan sebagainya. Program ini menyasarkan peningkatan purata hasil per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12);
- b) menubuhkan Lembaga Ruminan Negara untuk meningkatkan kemampuan dan pertumbuhan industri ternakan serta hasilan ruminan seperti daging dan tenusu yang dijangka akan beroperasi secara berfasa bermula pada tahun 2022. Selain itu, inisiatif-inisiatif khusus juga akan dilaksanakan bagi meningkatkan keselamatan makanan melalui kawalan penyakit haiwan dan amalan penternakan baik;

- c) meningkatkan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran dengan memperkukuh dan menambah baik infrastruktur dan fasiliti di kawasan pengeluaran makanan seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Projek Pertanian Moden (PPM). Amalan pertanian baik juga diberikan penekanan melalui pensijilan myGAP dan myOrganic untuk menghasilkan bahan makanan yang selamat dan berkhasiat;
- d) memperluas pemodenan dan pertanian pintar melalui kemudahan pembiayaan seperti Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan sebanyak RM60 juta dan Program Modenisasi Vesel dan Mekanisasi Tangkapan sebanyak RM150 juta untuk perolehan vesel moden dan peralatan berasaskan IR4.0. Dana pertanian pintar juga akan diperkenalkan dalam tempoh RMKe-12;
- e) mempergiat aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) untuk menghasilkan varieti / benih berhasil tinggi, rintang penyakit dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim serta teknologi / input penanaman yang mesra alam. Antara varieti baharu adalah seperti benih padi MR315 dan MRQ104 serta IS21 yang mempunyai kerintangangan lebih tinggi terhadap penyakit dan perosak; dan
- f) menggalakkan penyertaan golongan belia dalam bidang pertanian dan agromakanan serta meningkatkan kapasiti tenaga kerja melalui Program Agropreneur Muda dan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan. Bermula tahun 2016 sehingga kini, 7,571 orang agropreneur muda seluruh negara telah menerima manfaat geran dan pembiayaan di bawah Program Agropreneur Muda. Dalam tempoh RMKe-11 juga, seramai 5,665 graduan telah menerima sijil / diploma dalam bidang pengkhususan pertanian dan pengeluaran makanan.

Langkah-langkah di atas akan terus diberikan tumpuan dan fokus oleh MAFI dalam meningkatkan kemampuan pengeluaran makanan domestik sepanjang tempoh pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) melalui pelbagai program dan projek RMKe-12 yang sedang dan bakal dilaksanakan.

Di samping itu, Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk merangka dasar sekuriti makanan yang holistik dan mampan. Menerusi platform ini, satu pelan tindakan khusus bagi meningkatkan sekuriti makanan serta menggalakkan pengeluaran dan produktiviti domestik iaitu Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 telah dibangunkan secara kerjasama dengan agensi dan kementerian lain.

Antara strategi utama yang telah digariskan di bawah Pelan Tindakan DSMN untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara termasuk memperluaskan adaptasi teknologi dalam sistem makanan berteraskan skala ekonomikal dan pertanian mampan serta memperkasa penyelidikan dan pembangunan termasuk penghasilan input pertanian seperti makanan ternakan, baka dan benih berkualiti secara domestik.

Melalui perancangan dan strategi yang digariskan oleh MAFI dalam meningkatkan pengeluaran makanan negara, SSL bahan makanan asas akan dapat ditingkatkan menjelang tahun 2030 kepada sasaran beras (80%), daging lembu (50%), daging kambing (30%), susu segar (100%), buah-buahan (83%) dan sayur-sayuran (79%).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 dan bilangan kes yang didakwa atas kesalahan, sabitan, didenda atau dipenjarakan di bawah Akta.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memperbaiki penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (Akta 712), MyCC sedang meminda dan menambahbaik peruntukan sedia ada di bawah Akta 712 termasuk memperkenalkan Rejim Kawalan Penggabungan di Malaysia. Kementerian yakin bahawa bebarang kelemahan prosedur penguatkuasaan di dalam peruntukan sedia ada di bawah Akta Persaingan 2010 boleh diperkukuhkan dan MyCC akan diperkasakan dengan melakukan pindaan serta penambahbaikan terhadap peruntukan sedia ada Akta 712. Pada masa yang sama, MyC

2. MyCC adalah sebuah badan separa kehakiman (*quasi-judicial*), Berbeza dengan badan penguatkuasaan yang lain, MyCC mempunyai kuasa untuk menjalankan penyiasatan, membuat keputusan serta mengenakan penalti kewangan di atas kapasiti sendiri. MyCC tidak perlu melibatkan sebarang proses Mahkamah yang sedia ada.

3. Sebagai contoh MyCC menggunakan kuasa penguatkuasaan sivil dengan memberi tumpuan penyiasatan terhadap pelanggaran-pelanggaran yang berlaku di bawah Seksyen 4 dan 10 Akta 712, berikut adalah kejayaan-kejayaan MyCC-

- (a) Untuk kegiatan kartel, MyCC telah mengenakan penalty kewangan lebih dari RM150 juta terhadap Persatuan Insurans Am Malaysia dan 22 ahlinya, Malaysia Airlines, AirAsia, AirAsia X, Pengusaha-pengusaha depoh kontena di Pulau Pinang, Pengusaha-pengusaha gudang di Pelabuhan Kelang, Ahli-ahli Persatuan Pembuat Roti dan Manisan di Sibu dan Pembuat-Pembuat Air Batu di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya; dan
- (b) Untuk kegiatan penyalahgunaan kuasa monopoli atau dominan, MyCC telah mengenakan penalti kewangan berjumlah RM20 juta terhadap dua monopoli iaitu MyEG Services Berhad dan Dagang Net Technologies.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia untuk menangani masalah penetapan harga dan kartel.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian memandang serius terhadap perlakuan kartel. Ianya merupakan sabotaj kepada ekonomi negara. Oleh itu, Kementerian melalui Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap pelaku-pelaku kartel itu. Antara tindakan-tindakan yang telah diambil oleh MyCC adalah-

- (a) Untuk kegiatan kartel, MyCC telah mengenakan penalty kewangan lebih dari RM150 juta terhadap Persatuan Insurans Am Malaysia dan 22 ahlinya, Malaysia Airlines, AirAsia, AirAsia X, Pengusaha-pengusaha depoh kontena di Pulau Pinang, Pengusaha-pengusaha gudang di Pelabuhan Kelang, Ahli-ahli Persatuan Pembuat Roti dan Manisan di Sibu dan Pembuat-Pembuat Air Batu di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya; dan

2. Untuk mempertingkatkan lagi pematuhan kepada undang-undang serta polisi persaingan, MyCC sedang rancak menjalankan aktiviti-aktiviti berikut :

- (a) Menyiasat sekurang-kurangnya 500 perusahaan yang disyaki terlibat dalam kartel tender-tender Kerajaan. Nilai tender-tender tersebut berjumlah lebih dari RM2 billion;
- (b) Melaksanakan program advokasi untuk memberikan kesedaran kepada Kementerian dan agensi kerajaan, persatuan dan pemain industri serta rakyat umum berkenaan isu penetapan harga dan kartel yang melanggar Akta Persaingan 2010 (Akta 712). Sehingga kini MyCC telah melaksanakan sebanyak 319 program advokasi; dan
- (c) Mengeluarkan nasihat dasar kepada Kementerian dan agensi kerajaan berkenaan isu-isu persaingan. Sehingga kini, MyCC telah mengeluarkan 65 nasihat dasar kepada beberapa Kementerian dan agensi Kerajaan bagi memastikan dasar Kerajaan adalah untuk membantu membasmi kartel-kartel.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN (SUBANG)**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) sekiranya Kerajaan telah memohon atau berhasrat untuk memohon pengeluaran Notis Merah INTERPOL terhadap Claire Rewcastle Brown daripada Sarawak Report; dan

(b) sekiranya ada, minta Kerajaan menjelaskan sebab dan rasional permohonan itu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuat keputusan untuk memohon penerbitan Notis Merah INTERPOL terhadap Clare Rewcastle Brown.

Rasional permohonan ini dibuat adalah kerana Clare Rewcastle Brown merupakan subjek utama dalam kes jenayah di bawah Seksyen 124B (kesalahan yang berkaitan dengan menggugat demokrasi berparlimen), 124I (penyebaran laporan palsu) dan 500 Kanun Keseksaan (hukuman sebab memfitnah). Pihak mahkamah juga telah mengeluarkan Waran Tangkap terhadap subjek yang didapati telah melarikan diri ke luar negara bagi mengelakkan pendakwaan. Demi memelihara institusi Kehakiman dan kedaulatan undang-undang negara, Kementerian berpandangan PDRM wajar memohon notis berkenaan. Selain itu, Malaysia sebagai negara anggota INTERPOL wajar menggunakan saluran kerjasama antarabangsa sedia ada